



SIARAN MEDIA

KEBOCORAN PAIP UTAMA PUNCA BEKALAN AIR DI DAERAH SARATOK DAN KABONG TERJEJAS

KUCHING, 28 MEI: Kawasan di Daerah Saratok dan Kabong mengalami gangguan bekalan air akibat daripada kebocoran paip "*pumping main*" 500mm HDPE di kawasan Sebu. Kawasan yang terjejas adalah di seluruh rumah panjang dan persendirian dari Simpang Roban sehingga Brayang, Simpang Roban sehingga Sg. Berangan, Simpang Roban sehingga Pekan Roban, Ulu Roban, Kampung Sessang, Kampung Nyabor, Kampung Gerigat, Kampung Alit dan Kabong. Pihak JBALB Bahagian Betong turut mengambil alternatif segera dengan menghantar lori tangki air ke kawasan yang terjejas.

Tempoh masa pemulihan bekalan air kepada pengguna adalah berbeza dari satu kawasan ke kawasan lain bergantung kepada lokasi dan jarak premis pengguna terutama sekali di kawasan yang tinggi dan kawasan yang berada di hujung saluran paip. Insiden kebocoran paip seperti ini juga sering berlaku di beberapa kawasan pembinaan Lebuhraya Pan Borneo di Bahagian Kuching dan Bahagian Miri. JBALB Sarawak memandang serius masalah ini dan menyarankan agar pihak kontraktor Lebuhraya Pan Borneo dapat menjalankan kerja-kerja membaikpulih kebocoran paip dengan segera memandangkan musim perayaan sambutan Hari Gawai akan tiba dalam beberapa hari lagi.

Pihak kami berasa kesal di atas segala kesulitan yang timbul dan amat menghargai kesabaran yang tinggi daripada pengguna. Segala perkembangan terkini akan sentiasa dimaklumkan kepada pengguna menerusi platform media sosial JBALB Sarawak.

Para pengguna juga boleh menghubungi menghubungi nombor seperti yang tertera di bawah untuk tujuan penghantaran air:

1. JBALB Call Centre

- *082-262209 / 082-262214 / 082-262216*

2. JBALB Bahagian Betong / JBALB Daerah Saratok

- *083-420341 / 083-436424*

3. Talikhidmat

- *555999*

Website: <https://jbalb.sarawak.gov.my/>
Facebook: JBALB Sarawak
Instagram: @jbalbsarawak
Twitter: <https://twitter.com/jbalbsarawak>

-TAMAT-

JABATAN BEKALAN AIR LUAR BANDAR SARAWAK